

KENYATAAN MEDIA

CIDB HOLDINGS TURUT SERTAI PROGRAM NUMEE KASIH AGIHKAN MAKANAN KEPADA FRONTLINER

KUALA LUMPUR : Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di negara kita, CIDB Holdings Sdn Bhd turut serta menyumbang dalam pengendalian program NuMee Kasih.

Memahami pengorbanan petugas barisan hadapan, CIDBH mengambil inisiatif menyuntik dana bagi menyokong program yang telah dilaksanakan oleh pihak Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd. Pihak Gardenia telah melantik Ideascope Consulting Group Sdn Bhd membuat pengagihan makanan kepada para *frontliner* yang bertungkus-lumus bertugas membanteras virus Covid-19 di negara kita.

Sumbangan agihan makanan telah disalurkan ke lokasi-lokasi berikut :

1. Hospital Kajang
2. Hospital Banting
3. Hospital Putrajaya
4. Ibu pejabat Polis Daerah Seremban
5. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)



Agihan Makanan di Hospital Kajang, Selangor



Agihan Makanan di Hospital Banting, Selangor



Agihan Makanan di Hospital Putrajaya, Kuala Lumpur



Agihan Makanan di Ibu Pejabat Polis Seremban



Agihan Makanan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)